



INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER

EDISI JUL-DIS 2021

INSIGHT

ILKAP E-NEWSLETTER BIL. 2/2021

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN



AMSAL BERBICARA BERKONGSI KATA BERKONGSI MINDA BERSAMA DENGAN YBHG. TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

(KETUA SETIAUSAHA NEGARA)

*A*ssalamualaikum dan salam sejahtera YBhg. Tan Sri Dato' Seri. Ribuan terima kasih atas kesudian YBhg. Tan Sri Dato' Seri meluangkan masa untuk ditemu bual oleh pihak ILKAP E-Newsletter (Insight) Bil. 2/2021 (Insight ILKAP). Sebagai makluman, Insight ILKAP merupakan salah satu penerbitan ILKAP yang diterbitkan sebanyak dua (2) kali setahun. Insight ILKAP ini mengandungi karya penulisan artikel pegawai dan kakitangan ILKAP selain melaporkan aktiviti yang dilaksanakan di ILKAP dalam tahun tersebut.

Sidang Redaksi Insight ILKAP amat berbesar hati kerana dapat mengadakan sesi temu bual bersama dengan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara untuk siri kali ini. Besarlah harapan kami sekiranya YBhg. Tan Sri Dato' Seri dapat berkongsi dengan para pembaca sedikit sebanyak mengenai YBhg. Tan Sri Dato' Seri serta mungkin boleh berkongsi nasihat dan tips berguna dalam kerjaya.



Sudi sekiranya YBhg. Tan Sri Dato' Seri berkongsi dengan pembaca Insight ILKAP mengenai latar belakang keluarga dan pendidikan YBhg. Tan Sri Dato' Seri?

Saya dilahirkan pada 11 Ogos 1962 di Kampung Bukit Bayas, Kuala Terengganu, Terengganu dan merupakan anak ketiga daripada lima adik-beradik. Saya mendapat pendidikan awal di SK Pasir Panjang dan SMK Sultan Sulaiman pada tahun 1975. Kemudiannya, saya menyambung pengajian dalam bidang ekonomi di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan

“Sekiranya kita diberi peluang untuk memilih, pilihlah yang terbaik. Namun sekiranya kita dipilih, buatlah yang terbaik”

-Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali

Malaysia pada tahun 1985. Saya turut memperoleh Diploma Pengurusan Awam (DPA) daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan) daripada Universiti Teknologi Nanyang (NTU) Singapura dan Massachusetts Institute of Technology (MIT), USA pada tahun 1999.

Dengan puluhan tahun pengalaman sebagai penjawat awam, bolehkah YBhg Tan Sri Dato' Seri kongsikan sejarah kerjaya dan memori yang paling diingati sepanjang tempoh berada dalam perkhidmatan awam?

Saya pernah berkhidmat di pelbagai Kementerian dan Jabatan sejak menyertai Perkhidmatan Awam. Antaranya di Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Setiausaha Persekutuan Sarawak, sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Saya juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-13 (KYDMM Seri Paduka Baginda YDPA).

Memori yang paling diingati ialah ketika saya bertugas sebagai SUSK kepada KYDMM Seri Paduka Baginda YDPA kerana saya banyak belajar daripada hikmah dan kebijaksanaan Tuanku dalam melihat sesuatu perkara dari sudut pandang yang lebih luas dan terbuka.

Apakah aspirasi YBhg. Tan Sri Dato' Seri dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Ketua Setiausaha Negara yang merupakan suatu jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam khususnya dan sebagai penjawat awam amnya?

Aspirasi yang dipegang oleh saya ialah kepercayaan untuk berkhidmat yang bertunjangkan kepada lima prinsip asas, iaitu kebersamaan, dinamik, interaksi, khidmat bakti dan pembudayaan integriti.



Apakah moto kerjaya dan kehidupan yang sentiasa dipegang oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri sehingga kini?

“Sekiranya kita diberi peluang untuk memilih, pilihlah yang terbaik. Namun sekiranya kita dipilih, buatlah yang terbaik”

Tentunya YBhg. Tan Sri Dato' Seri tidak terkecuali dalam menggalas beban dan menempuh cabaran sepanjang tempoh berkhidmat untuk negara. Boleh kongsikan bersama para pembaca apakah cabaran yang dirasakan paling sukar dalam melaksanakan tanggungjawab YBhg. Tan Sri Dato' Seri sebagai seorang penjawat awam?

Tiada yang sukar jika melakukan sesuatu tugas dengan penuh keikhlasan dan amanah. Cabaran yang paling menguji kepimpinan saya adalah menguruskan Perkhidmatan Awam semasa tempoh pandemik COVID-19, peralihan kuasa dan konflik politik serta memulihkan semula ekonomi.

Kegembiraan dan kepuasan dalam kerjaya tidak dinafikan merupakan antara perkara penting untuk meningkatkan produktiviti dalam kerjaya. Untuk YBhg. Tan Sri Dato' Seri sendiri, apakah perkara yang boleh mendatangkan kegembiraan dan kepuasan dalam melaksanakan tugas?

Sentiasa ikhlas dalam melaksanakan tugas. Memberikan yang terbaik sekiranya diarahkan untuk menyempurnakan sesuatu kerja walau sesukar mana pun. Jangan mudah mengeluh dan merungut kerana setiap sesuatu yang dijadikan ada hikmah di sebaliknya yang mungkin kita tidak tahu.

Pada pandangan YBhg. Tan Sri Dato' Seri, apakah antara kekuatan yang perlu dipupuk oleh setiap penjawat awam supaya dapat mendatangkan impak yang lebih positif dalam perkhidmatan?

Antara kekuatan yang perlu dipupuk oleh setiap penjawat awam ialah kompetensi dan kemahiran dalam perkara baharu pada masa kini. Antaranya seperti pengetahuan dan kepakaran dalam bidang teknikal dan ICT, *internet of things*, kecerdasan buatan, teknologi nano, 3D printing dan banyak lagi.

Dalam keadaan negara kita masih dalam ancaman pandemik COVID-19, terdapat pelbagai perkara yang perlu dilakukan dan norma baharu yang perlu diamalkan. Selain integriti, mungkin YBhg. Tan Sri Dato' Seri boleh kongsikan apakah satu perkara utama yang wajar kekal dalam setiap tindak-tanduk seseorang penjawat awam termasuklah pegawai perundangan dan kehakiman?

Perkara utama yang wajar dikekalkan adalah tenang menghadapi perubahan. Hal ini demikian kerana apabila berlaku sebarang perubahan sama ada dalam kepimpinan organisasi atau kepimpinan negara, kita hendaklah bersikap tenang. Josiah Gilbert Holland, seorang penyair terkemuka Amerika pernah menyebut “*Calmness is the Cradle of Power*”. Ini bermaksud, betapa besarnya sesebuah masalah, tindakan penyelesaian yang dimulai dengan ketenangan akan memberikan jalan keluar yang lebih baik kerana apabila kita tenang, maka kita akan dapat mengawal masalah tersebut, dan bukannya kita dikawal oleh masalah.

Keduanya, perlu bersedia untuk berfikir secara strategik. Michael Porter, Profesor daripada Harvard University pernah menyebut “*Strategic thinking rarely occurs spontaneously*”. Ini bermaksud, pemikiran strategik mesti disusun dan bukannya mengharapkan ilham itu datang secara tiba-tiba.

Fitrah dan asam garam berkerjaya, YBhg. Tan Sri Dato' Seri pastinya pernah berhadapan dengan pelbagai ragam dalam kalangan penjawat awam. Pada pandangan YBhg. Tan Sri Dato' Seri, apakah antara sifat yang paling perlu dikikis oleh penjawat awam supaya dapat mendatangkan impak yang lebih positif dalam perkhidmatan, terutamanya dalam keadaan norma baharu kehidupan di kala pandemik COVID-19 ini?

Sifat yang paling perlu dikikis ialah sifat somborg dan hasad dengki. Sifat somborg akan menjadikan kita semakin jauh daripada kebenaran dan mendekatkan kita dengan kejahilan. Hasad dengki pula ibarat bermain api yang akhirnya akan membakar diri sendiri.

ILKAP amat berbesar hati mempunyai barisan pimpinan negara yang tersohor untuk menganggotai Lembaga Pengurusan ILKAP dan YBhg. Tan Sri Dato' Seri sendiri merupakan Pengerusi Lembaga Pengurusan ILKAP. Sepanjang tempoh ini, adakah terdapat sebarang aspek yang YBhg. Tan Sri Dato' Seri rasakan boleh dipertingkatkan oleh ILKAP?

ILKAP perlu meningkatkan lagi usaha menganjurkan kursus atau seminar yang bersifat global dan *world-class*, dan bukan hanya kursus biasa yang boleh diperoleh daripada mana-mana *consultant* luar atau universiti. ILKAP perlu menjalankan kolaborasi strategik dengan pelbagai institusi besar seperti Harvard University, University of Oxford, MIT, Stanford University, juga institusi latihan terkemuka seperti INSEAD dan banyak lagi. Ini adalah untuk membuka minda dan pemikiran kita supaya tidak hanya syok sendiri dan berada di takuk lama dalam menganjurkan kursus khususnya kursus yang berkaitan dengan perundangan dan kehakiman.

Akhir kata, sudi sekiranya YBhg. Tan Sri Dato' Seri memberikan kata-kata semangat kepada warga ILKAP sebelum menempuh tahun 2022 yang bakal tiba.

Dunia berubah. Begitu juga persekitaran kita. Tidak ada yangkekal. Malah perubahan ini semakin pantas. Warga ILKAP tidak boleh hanya menunggu dan melihat sahaja orang lain bergerak maju ke hadapan. Kita tidak boleh berpeluk tubuh, namun hendaklah berusaha untuk memastikan kita menjadi institusi latihan kehakiman dan perundangan yang tersohor bukan sahaja di negara ini, bahkan juga di rantau ini. Biar orang sentiasa merujuk kita kerana kepakaran dan pengetahuan yang kita miliki. Saya percaya warga ILKAP mampu menyahut cabaran ini.

InsyaAllah YBhg. Tan Sri Dato' Seri. Dengan kata-kata semangat berkenaan, ILKAP akan mengorak langkah untuk ke hadapan dalam dunia globalisasi kini. Bagi pihak Sidang Redaksi, jutaan terima kasih diucapkan sekali lagi atas kesudian YBhg. Tan Sri Dato' Seri menerima jemputan kami untuk ditemu bual.

Ditemu bual oleh: Ainnan binti Mohd Rasid



DISCLAIMER: The information contained in this document is for general information purposes only. While we endeavour to keep the information up to date and correct, we make no representations or warranties of any kind, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to this document for any purpose. Any opinion expressed is the personal opinion of the contributors. Nothing in this document constitutes, or is meant to constitute advice of any kind. Any reliance any person place on such information is therefore strictly at the person's own risk. In no event will we be liable for any loss or damage including without limitation, indirect or consequential loss or damage, or any loss or damage whatsoever arising from loss of data or profits arising out of, or in connection with, the use, reference to, or reliance of this document.

 Article

INTRODUCTION TO OUSTER CLAUSES

By Noor Azlina binti Hashim

“A disturbing trend against judicial intervention has been the attempt by the legislature to protect or immunize executive decisions from any challenge in court by the enactment of “ouster clauses” or what is generally called “privative clauses” in administrative law.”¹

Introduction

Due to the emergence of administrative law² and the growth of administrative process, administrative bodies exercise wide discretionary powers in performing their duties and functions under the law such as in granting and refusing licence and imposing sanction. To perform the duties and functions effectively, the administrative bodies are equipped with adjudicatory powers for solving disputes arising from any action or decision relating to the performance of their duties and functions.

In most instances, alongside this conferment of discretionary and adjudicatory powers, there are ouster clauses provided in the law intended to limit or exclude the jurisdiction of the courts to question actions taken and decisions made by the administrative bodies. It has been suggested that if jurisdiction of the courts can be excluded effectively, the administrative bodies seeking to take action or make decision may operate without fear of having their administrative actions be reviewed by the courts at a later stage.³ It appears that the real reason for wanting a finality in administrative actions is to avoid the complication that would arise in declaring a certain action or decision void retrospectively, which would, for example, frustrates good policy decisions or hamper public development schemes.⁴

As with many jurisdictions the world over, ouster clauses have been drafted into Malaysian legislation. What are ouster clauses? This article intends to briefly describe ouster clauses by giving examples taken from Malaysian legislation. This article does not intend to deliberate issues surrounding ouster clauses.

1. Cyrus V. Das, Accountability Mechanisms: Judicial Checks on Government, Commonwealth Workshop on Accountability, Scrutiny and Oversight (Canberra, 23 – 25 May 2001).

2. According to MP Jain and SN Jain, “Administrative Law deals with the structure, powers and functions of the organs of the administration; the limits of the powers; the methods and procedures followed by them in exercising their powers and functions; the methods by which their powers are controlled including the legal remedies available to a person against them when his rights are infringed by their operation”, M P Jain and S N Jain, *Principles of Administrative Law*, 5th Edn., 2007, p.12.

3. Leyland, P, *Textbook on Administrative Law*, (New York: Oxford University Press, 2009), p. 392.

4. *Ibid*, p. 402

What are ouster clauses?

By definition, ouster clauses are:

“...[C]lauses that are deemed to deprive a right or are exclusionary clauses. Ouster literally means ‘the removal’ of ouster le main (French) meaning ‘to take out of the hand’.”⁵

Also known as “finality” or “privative” clauses, ouster clauses are constructed in various forms but they are generally described as follows:

“An ouster clause may not provide an appeal or revision or may make the order passed or action taken by an authority “final” or “final and conclusive”. It may also state that the order “shall not be called in question in any court”, “shall not be challenged in any proceeding whatsoever”, etc. It may exclude jurisdiction of a court altogether or may allow a suit to be filed subject to certain limitations, such as, issuing notice before institution of suit, prescribing limitations, such as, prescribing time-limit for filing a suit, etc.”⁶

According to Robert Craig, an ouster clause is a provision in an Act of Parliament that purports to prevent a public body from being judicially reviewed.⁷ In other words, it is the exclusion of judicial review of administrative actions.

Thus, to simply put, ouster clauses are provisions in primary legislation intended to render a decision beyond the reach of the courts – so they are ‘non-justiciable’ – and the courts cannot judicially review a decision or use of power. It aims to put authorities’ action above the reach of the law.⁸



5. Krishnan, A, *Words, Phrases & Maxims: Legally & Judicially Defined*, (Singapore: LexisNexis, 2008).

6. Thakker, C.K., *Administrative Law*, (Lucknow: Eastern Book Company, 2012), p. 550.

7. Craig, Robert (2018) ‘Ouster clauses, separation of powers and the intention of Parliament: from anisminic to privacy international’, *Public law*, 4, pp 570–584

8. Jake Richards, *What are ‘ouster clauses’ – and why is the government approach dangerous*, 3rd April, 2021, 8:48 am <https://labourlist.org/2021/04/what-are-ouster-clauses-and-why-is-the-government-approach-dangerous/>

From the definitions above, ouster clauses that could commonly be found in Malaysian legislation are as follows:

Finality Clause

A decision made by the authority (such as the Minister or a licensing officer) is final. Some legislation provides that some actions taken or decision made by an authority “shall be final”, or “shall be final and conclusive”.

EXAMPLES:

Income Tax Act 1967 [Act 53]

Extension of time for appeal

100. (5) The decision of one of the Special Commissioners refusing an application or granting an extension under subsection (4) shall be notified in writing by the Secretary to the applicant and the Director General and shall be final.

Trade Unions Act 1959 [Act 262]

Power of the Minister to suspend a trade union

18. (7) An order or direction of the Minister under this section shall be final and conclusive.

Conclusive Evidence (Proof) Clause

Action or decision by the authority is the conclusive evidence that it has been made in compliance with the statutory requirements.

EXAMPLES:

Registration of Business Act 1956 [Act 197]

Certificate of registration is conclusive evidence
 5F. A certificate of registration having a registration number, and carrying the applicant's name or business name, issued under this Act by the Registrar shall be conclusive evidence that all the requirements of this Act in respect of the registration and matters precedent and incidental to such registration have been complied with, and the business referred to in such certificate is duly registered under this Act.

Railways Act 1991 [Act 463]

Special powers in emergency

86. (2) If any doubt arises as to the existence of a public emergency or whether any act done under subsection (1) was in the interest of public order or safety, a certificate signed by the Yang di-Pertuan Agong and exhibited at such places as the Minister deems fit shall be conclusive proof on the point.

No Judicial Review Clause

Explicitly and clearly oust the jurisdiction of the courts to judicially review any action taken and decision made by the authority. The terms are very clear without leaving any scope for contrary interpretation.



EXAMPLES:

Prevention of Crime Act 1959 [Act 297]

Judicial review of act or decision of board

15B. (1) There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by the Board in the exercise of its discretionary power in accordance with this Act, except in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.

Rubber Industry Smallholders Development Authority Act 1972 [Act 85]

Direction to cease giving assistance

29. (3) There shall be no judicial review in any court of any direction made by the Minister under this section.

Interpretation

25. In this Part, “judicial review” includes proceedings instituted by way of—

- (a) an application for any of the prerogative orders of *mandamus*, *prohibition* and *certiorari*;
- (b) an application for a declaration or an injunction;
- (c) any writ of *habeas corpus*;
- (d) any other suit or action relating to or arising out of any act done or any decision made in pursuance of any power conferred upon the Minister under this Part.

Shall Not Be Questioned (etc.) In Any Court Clause

Oust jurisdiction of the court to question or review any administrative action or decision. This clause is sometimes combined with other form of exclusion such as “shall not be challenged”, “shall not be appealed against” and “shall not be quashed”.



EXAMPLES:

Petroleum Mining Act 1966 [Act 95]

Permission to enter upon alienated land

14. (2) Before granting the permission under subsection (1), the State Authority shall grant to the owner of the alienated land the right of being heard, and the permission so granted shall be final and shall not be questioned in any court of law.

Strategic Trade Act 2010 [Act 708]

Suspension and revocation of permit

17. (3) For the purpose of paragraph (1)(d), the determination of what amounts to national interest and national security shall be made by the Minister and such determination shall be final and binding upon all persons and shall not be challenged, appealed against, reviewed, quashed or questioned in any court.

Conclusion

It is noted that the intention of ouster clauses is to do away with jurisdiction of the courts to review an action taken, or a decision made, by any administrative body under the written laws. Though the clauses are formulated differently, they seek to achieve the same intent.

Ouster clauses demonstrate the tension between the power of the legislature and the courts. They are subject to much controversy because on the one hand, Parliament has the right to make laws and on the other, the courts have a constitutionally enshrined right to review and account for decisions. If the authorities were to be at liberty to exceed their jurisdiction conferred to them by legislation without any check by the courts, the rule of law would be at an end⁹, when the right of ordinary citizens to ensure the legality of any action taken, or decision made, by the authorities via legal action, a principle said to flow from the rule of law, has been taken away.



⁹. *Ibid*, p. 394

Artikel

PERLU TAHU – PROSES PENTING KES ADJUDIKASI MELIBATKAN KERAJAAN

Oleh Ainnan binti Mohd Rasid

Latar Belakang

Menurut *Black's Law Dictionary (10th Edition)*, "adjudication" ditakrifkan sebagai "The legal process of resolving a dispute; the process of judicially deciding a case. Adjudication is the effort to identify the rights of contending parties now by identifying what were, in law, the rights and wrongs, or validity or invalidity, of their actions and transactions when entered upon and done.". Berdasarkan analisis terhadap **Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 [Akta 746]**, adjudikasi boleh dikatakan sebagai suatu proses yang boleh digunakan oleh suatu pihak yang tidak dibayar atau pihak yang tidak membayar untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian yang berbangkit daripada tuntutan pembayaran yang dibuat di bawah seksyen 5 Akta 746 menerusi adjudikasi di bawah seksyen 7 Akta 746.

Seksyen 5 dan 7 Akta 746 memperuntukkan seperti yang berikut:

BAHAGIAN II

ADJUDIKASI PERTIKAIAN PEMBAYARAN

Tuntutan pembayaran

5. (1) Pihak yang tidak dibayar boleh menyampaikan suatu tuntutan pembayaran kepada pihak yang tidak membayar bagi bayaran menurut suatu kontrak pembinaan.

(2) Tuntutan pembayaran itu hendaklah secara bertulis dan hendaklah termasuk—

- (a) amaun yang dituntut dan tarikh habis tempoh bagi pembayaran amaun yang dituntut itu;
- (b) butir untuk mengenal pasti kausa tindakan termasuk peruntukan dalam kontrak pembinaan yang dengannya bayaran itu adalah berhubungan;
- (c) perihalan tentang kerja atau perkhidmatan yang dengannya bayaran itu adalah berhubungan; dan
- (d) pernyataan bahawa ia dibuat di bawah Akta ini.

Hak untuk merujukkan pertikaian kepada adjudikasi

7. (1) Suatu pihak yang tidak dibayar atau pihak yang tidak membayar boleh merujukkan suatu pertikaian yang berbangkit daripada tuntutan pembayaran yang dibuat di bawah seksyen 5 kepada adjudikasi.

(2) Hak untuk merujukkan pertikaian kepada adjudikasi hanya boleh dijalankan selepas tamat tempoh untuk menyampaikan respons pembayaran sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 6(3).

(3) Suatu pertikaian yang dirujukkan kepada adjudikasi di bawah Akta ini adalah tertakluk kepada Akta Had Masa 1953 [Akta 254], Ordinan Had Masa Sabah [Bab 72] atau Ordinan Had Masa Sarawak [Bab 49] mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kesegeraan (Urgency)

Sebarang tuntutan menerusi proses adjudikasi oleh mana-mana pihak yang berkontrak dengan kerajaan perlulah diuruskan oleh pihak agensi, jabatan, atau kementerian yang berkaitan bersama dengan pihak Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara pada kadar **SEGERA**. Hal ini demikian kerana Akta 746 memperuntukkan **hanya sepuluh (10) hari bekerja** untuk pihak kerajaan memfailkan respons kepada pihak yang menuntut.



Mahkamah Tinggi dalam kes *BINA PURI CONSTRUCTION SDN BHD v. HING NYIT ENTERPRISE SDN BHD [2015] 8 CLJ 728* telah memutuskan seperti yang berikut:


"In the premises, the adjudicator cannot be faulted for holding that he had no jurisdiction to decide the counterclaim of the applicant that was raised belatedly in the adjudication response. Counsel for applicant also submitted that he had no opportunity to argue the said point as it was not raised in the submissions and there it resulted in a breach of natural justice. The limits of jurisdiction of the adjudicator is a matter that is governed by law, ie s. 27 of CIPAA. Therefore, there can be no breach of natural justice if the adjudication had referred to the correct law to properly direct himself as to what he can or cannot do."

Keputusan Mahkamah Tinggi ini bermakna sebarang tuntutan yang dibuat oleh pihak yang menuntut dalam kes ini menerusi *Payment Claim* yang tidak dibalas oleh pihak kerajaan i.e. menerusi *Payment Response*, akan membawa antara lainnya, halangan terhadap tuntutan *set-off* dan juga tuntutan balas oleh pihak kerajaan.

Tindakan Semua Pihak

Proses adjudikasi memerlukan kerjasama dan tindakan segera daripada semua pihak dalam sesebuah organisasi kerajaan yang berkaitan terutamanya di bahagian penerimaan surat yang perlu sentiasa peka apabila menerima dokumen yang berkaitan dengan tuntuan adjudikasi. Selain itu, organisasi kerajaan yang berkaitan juga perlu menyemak sama ada agensi, jabatan atau kementerian ada menerima dokumen dengan tajuk seperti yang dinyatakan dalam Carta Aliran di atas. Jika pihak itu menerima dokumen yang dinyatakan tersebut dokumen itu perlulah dikemukakan dengan serta-merta kepada bahagian, unit atau pejabat undang-undang di agensi, jabatan atau kementerian yang berkenaan bagi membolehkan tindakan selanjutnya dilaksanakan dengan sewajarnya.

Dalam hal ini, disyorkan supaya arahan atau panduan tentang prosedur operasi standard dikeluarkan oleh pengurusan tertinggi untuk perhatian semua warga organisasi di sesebuah agensi, jabatan atau kementerian bagi memastikan tempoh masa di bawah Akta 746 dipatuhi dan tindakan yang perlu dilaksanakan dalam kes tuntutan adjudikasi dapat disempurnakan dengan sebaiknya.



Tempoh sepuluh (10) hari bekerja yang diperuntukkan untuk pihak kerajaan perlulah digunakan dengan sebaik mungkin oleh pihak yang menguruskan tuntutan pembayaran kontrak atau adjudikasi tersebut. Pihak yang berkaitan seperti pihak kewangan, juruukur bahan dan pengurus projek perlu menyediakan draf jawapan yang disertakan dengan apa-apa dokumen sokongan seperti resit pembayaran, perakuan siap kerja dan sebagainya. Tempoh ini juga perlu mengambil kira sebarang sesi perbincangan yang mungkin ditetapkan oleh pihak Jabatan Peguam Negara.

Kesimpulan

Tuntutan adjudikasi kini merupakan proses yang popular dan sering diguna pakai oleh pihak yang berkontrak untuk mendapatkan pembayaran bagi kerja yang dinyatakan sebagai telah dilaksanakannya. Hal ini demikian kerana sebarang tuntutan adjudikasi yang dibuat di bawah Akta 746 lazimnya dapat diselesaikan dalam tempoh yang lebih singkat berbanding dengan tempoh tuntutan yang difaiklan menerusi proses timbang tara atau tuntutan sivil.

Pihak kerajaan perlu mengadaptasikan gerak kerja yang lebih pantas dalam hal yang melibatkan tuntutan adjudikasi ini. Perlu diingatkan bahawa kebarangkalian kesemua tuntutan pihak yang menuntut itu dibenarkan oleh adjudikator dalam kes tuntutan adjudikasi yang tidak diberikan respons oleh pihak kerajaan dalam tempoh yang ditetapkan di bawah Akta 746 adalah tinggi. Ini mungkin mengakibatkan kerugian pada pihak kerajaan sekiranya terdapat pembelaan yang munasabah terhadap tuntutan adjudikasi tersebut tetapi ia tidak dapat diguna pakai kerana tempoh yang diperuntukkan di bawah Akta 746 tidak dipatuhi.

Sehubungan dengan itu, bersegeralah dalam melaksanakan tanggungjawab untuk mengemukakan dokumen dan menyediakan dokumen yang berkaitan dengan tuntutan adjudikasi supaya tempoh yang diperuntukkan dalam Akta 746 dapat dipatuhi dengan sewajarnya dan memastikan kepentingan kerajaan dilindungi dengan sebaiknya.



Article

THE PUBLIC OFFICERS (CONDUCT AND DISCIPLINE) REGULATIONS 1993 [P.U.(A) 395/1993]: AN OVERVIEW

By Dayang Faizah binti Awang Maliki

Introduction


All civil servants in Malaysia particularly the members of the public service of the Federation¹ are subject to the provisions under the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993 [P.U. (A) 395/1993]. The Regulations were made under Clause (2) Article 132 of the Federal Constitution which, among other things stipulates that:

“Public services

132. (1) ...

(2) Except as otherwise expressly provided by this Constitution, the qualifications for appointment and conditions of service of persons in the public services other than those mentioned in paragraph (g) of Clause (1) may be regulated by federal law and, subject to the provisions of any such law, by the Yang di-Pertuan Agong; and the qualifications for appointment and conditions of service of persons in the public service of any State may be regulated by State law and, subject to the provisions of any such law, by the Ruler or Yang di-Pertua Negeri of that State.”

P.U.(A) 395/1993 can be simplified into few subtopics as follows:



1. Reg. 1 P.U.(A) 395/1993 – Interpretation of “officer”

Code of Conduct

Regulation 4 of P.U.(A) 395/1993 provides a number of actions that should be done and should not be done by any public officer—

“(1) An officer shall at all times give his loyalty to the Yang di-Pertuan Agong, the country and the Government.

(2) An officer shall not—

- (a) subordinate his public duty to his private interests;*
- (b) conduct himself in such a manner as is likely to bring his private interests into conflict with his public duty;*
- (c) conduct himself in any manner likely to cause a reasonable suspicion that—*
 - (i) he has allowed his private interests to come into conflict with his public duty so as to impair his usefulness as a public officer; or*
 - (ii) he has used his public position for his personal advantage;*
- (d) conduct himself in such a manner as to bring the public service into disrepute or bring discredit to the public service;*
- (e) lack efficiency or industry;*
- (f) be dishonest or untrustworthy;*
- (g) be irresponsible;*
- (h) bring or attempt to bring any form of outside influence or pressure to support or advance any claim relating to or against the public service, whether the claim is his own claim or that of any other officer;*
- (i) be insubordinate or conduct himself in any manner which can be reasonably construed as being insubordinate; and*
- (j) be negligent in performing his duties.”.*

It can be said that under regulation 4 of P.U. (A) 395/1993, all public servants must ensure that they do not shirk their responsibilities as civil servants and not to use their public office to obtain personal gains. They are expected to be honest and trustworthy and continue to observe their behaviour at all times in preserving the name of public service in general. Officers are also expected to be responsible at all times including following orders by their superiors provided that such orders do not contravene any laws. Therefore, if for instance an order denotes an action that is punishable under the Penal Code [Act 574], an officer shall not be expected to follow such order.

Examples of violations under regulation 4 of P.U. (A) 395/1993 are—

Abetting the country's enemies		Taking kickbacks
	Leaking government secrets	
Going on leave when his/her services are badly needed		Belittling government policies and actions by making unnecessary comment on social media
	Misusing government vehicles	
Doing online business during working hours		Deliberately delaying any important task
	Verbally abusing those seeking counter services	
Getting into heavy debts		Not reporting offences committed by subordinates

Lima peratus kakitangan awam ponteng kerja

Kebanyakan kes babikan tugas di luar pejabat

PERTIKAJADUAN BIL. 2/2021. Kebanyakan kes babikan tugas di luar pejabat yang dilakukan oleh kakitangan awam berada dalam kategori lima peratus kakitangan awam. Maka, kerajaan mengingatkan agar kakitangan awam mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Kebanyakan kes babikan tugas di luar pejabat yang dilakukan oleh kakitangan awam berada dalam kategori lima peratus kakitangan awam. Maka, kerajaan mengingatkan agar kakitangan awam mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

“Sekiranya Pegawai Awam tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan, ia boleh membawa kepada sanksi disiplin yang ketat dan sepadan dengan pelakunya,” katanya.

“Kes babikan tugas di luar pejabat yang dilakukan oleh kakitangan awam berada dalam kategori lima peratus kakitangan awam. Maka, kerajaan mengingatkan agar kakitangan awam mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

“Sekiranya Pegawai Awam tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan, ia boleh membawa kepada sanksi disiplin yang ketat dan sepadan dengan pelakunya,” katanya.

“Sekiranya Pegawai Awam tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan, ia boleh membawa kepada sanksi disiplin yang ketat dan sepadan dengan pelakunya,” katanya.

Abang’ Muhib
Menteri Sosial
Kementerian Perdagangan



PERINGATAN!
JABATAN PERHONIANAN AWAM
TINDAKAN TATATERTIB
JIKA ENGGAN PATUHI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

● Semua Pegawai Awam dilingkotkan agar seniasa mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

● Sekiranya Pegawai Awam dilibatkan kesahan melanggar PKP, Pegawai Awam boleh dikenakan tindakan tataterib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tataterib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].

● Semua Pegawai Awam hendaklah menjaga nama baik perkhidmatan awam dan tidak melakukan aktiviti-aktiviti yang dilarang sepanjang semasa PKP.

Dato' Sri Mohd. Khaliq Abdul Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam



Prohibitions

Becoming editor for journals/newspapers without permission

Accepting entertainment from impermissible sources

Borrowing money from prohibited sources

Doing part-time job without permission

Getting actively involved in politics

Publishing books without approval

Being in serious debt

Being absent without leave

Dressing inappropriately

Interdiction and suspension

An officer who is reasonably suspected to have committed a serious disciplinary offence or a criminal act



- Can be interdicted for the purpose of investigation for a period of up to two (2) months;
- With full salary

An officer who is charged in court for a criminal offence



- Can be interdicted while waiting for the case to be decided by the court;
- Deduction of up to 50% may be done to the total emolument

An officer who is convicted in court for a criminal offence



- Shall be suspended from carrying out his duties
- No longer receive any salary
- The Disciplinary Board shall then decide whether he is to be dismissed or be imposed with any other types of punishment

During the period of interdiction and suspension, the status of the officer as civil servant shall remain until the Disciplinary Board decides on his case

Procedures




Termination in the public interest

Under regulation 49 of P.U. (A) 395/1993, an officer can be terminated by the Government if it is desirable in the public interest to do so. However, regards have to be given in terms of the conditions of the service, the usefulness of the officer to the service, the work and conduct of the officer and all the other circumstances of the case. In terminating the service of any officer in the public interest under this regulation, such officer may not be given any opportunity of being heard. In other words, there is no need for the government to provide the opportunity for the officer to defend himself before being terminated.

Punishment

There are seven (7) types of disciplinary punishments under regulation 38 of P.U. (A) 395/1993 as follows:





Conclusion

It is important to note that disciplinary actions should be regarded as an effective tool to strengthen the Malaysian public service as a whole. Therefore, all relevant Disciplinary Board must exercise its utmost discretion in deciding any particular case and the punishment that is to be imposed.

P.U. (A) 395/1993 is crucial in creating a disciplined public service work force in Malaysia and every civil servant must consider integrity as an integral part of their public duties in serving the nation.

Thus, it should be noted that without a comprehensive regulation, the effort to enhance and strengthen the civil service can easily be undermined. Looking at the present state of the Malaysian civil service, it can be contended that P.U. (A) 395/1993 is serving its purpose in a very effective manner.

Aktiviti ILKAP

Mei

Program Bicara Inovasi ILKAP Bil. 1/2021 dan Bil. 2/2021 pada 28 Mei 2021

PROGRAM BICARA INOVASI ILKAP BIL. 1/2021

Pelaksanaan Produk Inovasi ICT

Ts. Khairul Ashraf bin Basul Hak
khairulashraf@mampu.gov.my

STRATEGI INOVASI ICT

Business Process Re-engineering
Change Management
Who is Impacted?
Project Management
Introducing New Technologies
User Training
Process Re-Design
How are they Impacted?
Technical Support and Training

Source: Fisher and Wesolkowski (1998)

INOVASI SOSIAL

PENCITTAAN

MOBILE MUSOLLA

PENAMBAHBAIKAN

KUMPULAN DURAH

PUTRA PENGEMBANGAN KALANTAK DAN PERSEKUTUAN

KUMPULAN AURA MURAH

KAJIAN PENGETAHUAN DAN KONSEP

INOVASI PENYAMPAINAN PERKHIDMATAN

Cat-Off Impact

Memberi impak ketara dan positif kepada perjangan

Meningkatkan kecekapan dalam pelaksanaan dan mengurangkan sumber sesejukan dari sumber manusia

Memperbaiki kesiapsediaan teknologi teknologi

Menyediakan perkhidmatan bantuan atau memantaukan kandungan senario yang kongsi berlaku

BIODATA


Ts. KHAIRUL ASHRAF BIN BASUL HAK
Bahagian Pembangunan Aplikasi
Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Tel: 03-8872 5071 | Faks: 03-8888 3721
Emel: khairulashraf@mampu.gov.my

Che Razmanie Che Kub
Aimes
Amilahmudin Molan
Fatin Syuhada
Helina Ali
Aida Mohamed Bakri
Aini
Mariam Nony

Aktiviti ILKAP

Julai

Mesyuarat PUSPANITA Cawangan Kecil ILKAP pada 29 Julai 2021




Artikel

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PERINTAH “JAGAAN SELAMAT” DI BAWAH SUBSEKSYEN 348(1) KANUN TATACARA JENAYAH [AKTA 593] SEMENTARA MENUNGGU PERINTAH DI BAWAH SUBSEKSYEN 348(2) AKTA 593?

Oleh Suzana binti Abdul Latiff

LATAR BELAKANG

Saya tertarik untuk berkongsi suatu kes yang melibatkan seorang Orang Kena Tuduh (“OKT”) yang dalam keadaan tidak waras telah menyebabkan kematian dengan cuai. Dalam kes berkenaan, Mahkamah telah menggunakan pakai subseksyen 348(1) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] (“KTJ”) dan memerintahkan OKT diletakkan di bawah jagaan selamat sementara menunggu suatu perintah di bawah subseksyen 348(2) KTJ.



Pelbagai persoalan timbul apabila OKT diperintahkan untuk ‘disimpan’ di Penjara. Adakah perintah jagaan selamat tersebut merupakan suatu sabitan? Jika bukan suatu sabitan, mengapa Mahkamah dengan kuasa yang ada, tidak terus membuat suatu perintah untuk menghantar OKT ke pusat kesihatan mental sahaja?

RINGKASAN FAKTA KES

OKT telah dituduh di Mahkamah Sesyen di bawah seksyen 304A Kanun Kesekeaan [Akta 354] (“seksyen 304A KK”) yang memperuntukkan seperti yang berikut:

“Causing death by negligence”

304A. Whoever causes the death of any person, by doing any rash or negligence act not amounting to culpable homicide, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years or with fine or with both.”.


Sewaktu pertuduhan dibuat, Mahkamah Sesyen telah mengarahkan OKT dirujuk ke hospital psikiatri di bawah subseksyen 342(1) KTJ untuk menjalani rawatan dan mengenal pasti sama ada OKT dalam keadaan sempurna akal untuk membela diri semasa perbicaraan. Subseksyen 342(1) KTJ memperuntukkan seperti yang berikut:

“Procedure where accused is suspected to be of unsound mind”

342. (1) When a Judge or a Magistrate holding a trial has reason to suspect that the accused person is of unsound mind and consequently incapable of making his defence, he shall in the first instance investigate the fact of such unsoundness.”.

Setelah pemerhatian dibuat ke atas OKT, dapatan daripada Laporan Perubatan Doktor adalah seperti yang berikut:

- (i) OKT menghidap penyakit skizofrenia;
- (ii) semasa kejadian berlaku, OKT dalam keadaan tidak waras; dan
- (iii) keadaan mental OKT stabil dan layak untuk membela diri dan dibicarakan di Mahkamah.



OKT telah dibicarakan dan di akhir perbicaraan, OKT telah disabitkan dengan hukuman denda RM 10,000.00, atau jika gagal membayar denda, dipenjarakan selama lima (5) bulan penjara.

Dalam kes rayuan yang difaiklan oleh pihak pendakwaan, Mahkamah Tinggi telah memerintahkan supaya sabitan hukuman denda ke atas OKT diketepikan kerana OKT berada dalam keadaan tidak waras ketika dia menyebabkan kematian mangsa dengan cuai. Mahkamah Tinggi telah mengeluarkan suatu perintah di bawah subseksyen 348(1) KTJ supaya OKT disimpan di Penjara dan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah perlu melaporkan perintah berkenaan untuk suatu perintah dibuat oleh “*Ruler of the State*” mengikut subseksyen 348(2) KTJ.

Seksyen 348 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Safe custody of person acquitted

348. (1) Whenever the finding states that the accused person committed the act alleged, the Court before which the trial has been held shall, if that act would, but for incapacity found, have constituted an offence, order that person to be kept in safe custody in such place and manner as the Court thinks fit and shall report the case for the orders of the Ruler of the State in which the trial is held:

Provided that if the Court concerned is a Magistrate’s Court, the Magistrate may in his discretion, if he considers that the offence charged is not of a serious nature and that that person can safely be released without danger of his doing injury to himself or any other person, caution and discharge him.”

(2) The Ruler may order that person to be confined in a psychiatric hospital during the pleasure of the Ruler of the State.”.

ISU UNDANG-UNDANG

Semasa kejadian berlaku, OKT berada dalam keadaan tidak waras. Oleh itu, adakah perbuatan OKT itu merupakan suatu kesalahan jenayah?

Kesalahan telah ditakrifkan dalam subseksyen 40(1) KK sebagai—

“Offence”

40. (1) Except in the Chapter and sections mentioned in subsections (2) and (3), the word “offence” denotes a thing made punishable by this Code.”

Ini bermakna, kesalahan ialah sesuatu yang boleh dihukum oleh KK selain kesalahan yang disebut dalam subseksyen 40(2) dan 40(3) KK.¹

Dalam fakta kes yang dibincangkan, memandangkan kes OKT melibatkan pertuduhan di bawah seksyen 304A KK, hukuman yang diperuntukkan hendaklah menurut peruntukan KK. Walau bagaimanapun, apabila Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa semasa kejadian berlaku OKT berada dalam keadaan tidak waras, maka seksyen 84 KK di bawah Bab IV (Kecualian Am) terpakai. Seksyen 84 KK memperuntukkan seperti yang berikut:

““Act of a person of unsound mind

84. Nothing is an offence which is done by a person who, at the time of doing it, by reason of unsoundness of mind, is incapable of knowing the nature of the act, or that he is doing what is either wrong or contrary to law.”.

Ini bermaksud, apabila seksyen 84 KK terpakai, perbuatan OKT yang menyebabkan kematian akibat cuai tidak terjumlah kepada suatu kesalahan dan tiada hukuman boleh dijatuhkan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 40 (1) KK.

Oleh yang demikian, saya berpandangan suatu perintah di bawah subseksyen 348(1) KTJ hendaklah dibuat oleh mahkamah bagi menempatkan OKT di suatu tempat yang selamat, dan keputusan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada “Ruler of the State” di tempat perbicaraan kes berlangsung bagi mendapatkan perintah *Ruler of the State* tersebut mengikut subseksyen 348(2) KTJ mengenai penempatan selamat itu. Lanjutan itu juga, perintah yang dibuat oleh makamah di bawah subseksyen 348(1) KTJ tidak disifatkan sebagai suatu hukuman pemenjaraan dan hanya merupakan penempatan sementara sahaja. Subseksyen 348(1) KTJ tidak membayangkan suatu sabitan kerana ia berkaitan hal keadaan apabila OKT tidak waras semasa melakukan kesalahan tersebut. Oleh sebab tiada sabitan, maka perintah jagaan selamat itu bukanlah suatu hukuman pemenjaraan.

1. Kesalahan yang disebut di bawah subseksyen 40(2) boleh dihukum di bawah KK atau mana-mana undang-undang lain yang berkuat kuasa dan kesalahan yang disebut di bawah subseksyen 40(3) KK mempunyai maksud yang sama dengan kesalahan yang boleh dihukum di bawah undang-undang lain yang berkuat kuasa dengan pemenjaraan 6 bulan ke atas sama ada dengan denda atau tanpa denda.

KESIMPULAN

Berdasarkan fakta ringkas kes dan peruntukan undang-undang yang dirujuk, saya menyimpulkan bahawa—

1. Perintah di bawah subseksyen 348(1) KTJ supaya OKT diletakkan dalam jagaan selamat adalah peruntukan undang-undang yang perlu digunakan apabila seksyen 84 KK terpakai.

2. Menurut seksyen 84 KK, perbuatan OKT bukanlah suatu kesalahan dan subseksyen 40(1) KK tidak terpakai.

5. Perbuatan OKT tidak terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah KK. Oleh itu, perintah untuk jagaan selamat yang dikeluarkan oleh Mahkamah merupakan suatu penempatan sementara sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai suatu hukuman pemenjaraan.

4. Tiada sabitan terhadap OKT selepas perbicaraan tamat kerana OKT berada dalam akal yang tidak waras semasa perbuatan tersebut dilakukan.

3. Perintah jagaan selamat adalah penempatan sehingga mendapat perintah daripada “Ruler of the State” supaya OKT dibawa ke hospital psikiatri seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 348(2) KTJ.




Aktiviti ILKAP

Ogos - September

Program Pemantapan Peribadi Pegawai ILKAP Tahun 2021 Sempena Maal Hijrah 1443H pada 13 Ogos 2021



TGIF: READ-EAT pada 10 September 2021



Aktiviti ILKAP *

Ogos - September



**Majlis Perhimpunan Bulanan ILKAP Bil. 2 dan 3 Tahun 2021
pada 15 September 2021**



Aktiviti ILKAP

Ogos - September

Ceramah Integriti 2021 pada 15 September 2021



Aktiviti ILKAP

Ogos - September


Mesyuarat Agung Khas Kelab Sukan dan Kebajikan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) pada 30 September 2021



SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG KHAS KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN ILKAP BIL 1/2021 - Saved

Questions	Responses
	66
	02:04
	Average time to complete
	Closed
	Status
	...
	View results
	Open in Excel

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG KHAS KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN ILKAP BIL 1/2021



Participants (59)
AINNAN Mu
ILKAP Host
Haslizan
helmi
Raihani
Kazmilah Jahuba
Rizana
WAN FADHIL
ILKAP Cokor
15sept21
Aida
AMI
amimz
Anastasia David
ATE
Che Rosmiani

Participants (59)
AINNAN Mu
ILKAP Host
Haslizan
helmi
Raihani
Kazmilah Jahuba
Rizana
WAN FADHIL
ILKAP Cokor
15sept21
Aida
AMI
amimz
Anastasia David
ATE
Che Rosmiani

Artikel

PENGENDALIAN PENYIASATAN DI TEMPAT KEJADIAN DAN BUKTI ATAU EKSHIBIT OLEH PEGAWAI PENYIASAT DALAM KES JENAYAH

Oleh Fairuz Syuhada binti Amran

PENGENALAN

Penyiasatan merupakan suatu proses yang dijalankan oleh seorang pegawai penyiasat bertujuan untuk mengumpul keterangan dan bahan bukti atau ekshibit yang relevan bagi mengenal pasti sama ada sesuatu kesalahan telah berlaku yang boleh mengaitkan kesalahan tersebut kepada orang yang melakukannya atau sebaliknya.

Prosedur penyiasatan telah diperuntukkan di bawah undang-undang yang berkaitan dan hendaklah dipatuhi oleh setiap pegawai penyiasat. Kegagalan pegawai penyiasat mematuhi prosedur penyiasatan yang telah ditetapkan di bawah undang-undang akan menyebabkan pembuktian kes terhadap pesalah di mahkamah akan terjejas dan berkemungkinan pesalah akan dibebaskan oleh mahkamah.

Dalam sesuatu kes jenayah, penyiasatan di tempat kejadian merupakan sumber atau elemen yang penting dalam sesuatu penyiasatan. Hal ini demikian kerana tempat kejadian sesuatu jenayah berfungsi sebagai lokasi asas yang menjadi permulaan kepada siasatan. Melalui tempat kejadian, pegawai penyiasat akan memperoleh dan mengumpul seberapa

banyak bahan bukti yang relevan untuk dianalisis dan dikemukakan sebagai keterangan di mahkamah.




Oleh yang demikian, penyiasatan yang lengkap dan pengumpulan barang bukti atau ekshibit yang relevan menjadi antara asas yang penting dalam membuktikan sesuatu kes terhadap pesalah di mahkamah.

PENYIASATAN DI TEMPAT KEJADIAN

Dalam sesuatu siasatan, pegawai penyiasat akan menjalankan siasatan bersama-sama pasukan penyiasat yang telah dipilih dan dikenal pasti oleh beliau. Dalam hal ini, pegawai penyiasat hendaklah merancang skop dan membuat penelitian secara terperinci berhubung dengan fakta kes yang perlu disiasat sebelum memulakan sesuatu siasatan di tempat kejadian.

Bagi memastikan penyiasatan di tempat kejadian berjalan lancar dan teratur, terdapat beberapa langkah yang perlu diambil oleh pegawai penyiasat sebelum, semasa dan selepas tamat penyiasatan di tempat kejadian. Langkah ini perlu bagi memastikan tiada sebarang ketinggalan atau kelemahan (*loophole*) berlaku dalam penyiasatan.

Antara langkah yang perlu diambil oleh pegawai penyiasat sebelum dan semasa melakukan penyiasatan di tempat kejadian



Antara langkah yang perlu diambil oleh pegawai penyiasat selepas menamatkan penyiasatan di tempat kejadian



Penyiasatan tempat kejadian merupakan proses penyiasatan yang paling awal dalam pengendalian sesebuah kes. Tindakan penyiasatan memerlukan perancangan yang rapi dan teliti oleh pegawai penyiasat, didokumentasikan serta mematuhi keperluan atau syarat-syarat yang diiktiraf oleh undang-undang.



Sehubungan dengan itu, pegawai penyiasat hendaklah memastikan siasatan yang dijalankan teratur dan mengikut peruntukan undang-undang agar segala keterangan yang dikemukakan di mahkamah tidak boleh dicabar oleh pihak lawan atau peguam bela.

PENGENDALIAN BUKTI ATAU EKSHIBIT


Pengendalian bukti atau ekshibit (atau juga disebut “barang kes”) juga merupakan elemen penting dalam sesuatu proses siasatan yang dijalankan oleh pegawai penyiasat. Walaupun siasatan yang lengkap telah dijalankan oleh pegawai penyiasat, sekiranya pengendalian bukti/ekshibit selepas dijumpai tidak dijaga dengan teliti, ia boleh menjaskan pendakwaan kes di mahkamah.

Dalam kes *Mohd Osman bin Pawan v Public Prosecutor [1989] 2 MLJ 110* mahkamah telah memutuskan seperti yang berikut:


“...it is pertinent to emphasize again that investigation officers should not treat the custody of exhibits lightly so as to leave a gap in the chain of evidence relating to the exhibits before their production in court”.

Berdasarkan kes di atas, jelas bahawa pegawai penyiasat tidak boleh memandang remeh dalam pengendalian bukti atau ekshibit yang boleh meninggalkan jurang kepada rantaian keterangan kerana apabila terdapat keraguan mengenai identiti sesuatu bukti atau ekshibit, kegagalan mengemukakan keterangan untuk mewujudkan rantaian keterangan akan membawa padah kepada kes pendakwaan.

Antara masalah yang sering berbangkit berhubung dengan pengendalian bukti atau ekshibit yang boleh menyebabkan rantaian keterangan terputus



Antara langkah yang perlu diamalkan oleh pegawai penyiasat selepas siasatan dijalankan bagi memastikan rantaian bukti atau ekshibit tidak terputus



Oleh itu, pegawai penyiasat perlu memastikan pengendalian bukti atau ekshibit dijaga dan dikawal dengan teliti dari mula bukti atau ekshibit itu dijumpai sehinggalah pada waktu ia dikemukakan di mahkamah. Ini amat penting dalam memastikan rantaian keterangan tidak terputus memandangkan pembuktian sesuatu kes juga bergantung pada bukti ekshibit yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan di mahkamah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penyiasatan tempat kejadian jenayah yang teratur dan lengkap serta pengendalian bahan bukti atau ekhibit yang relevan memainkan peranan yang penting dalam sesuatu kes. Hal ini demikian kerana suatu rumusan atau hasil siasatan yang baik hanya dapat dilakukan oleh pegawai penyiasat berdasarkan penyiasatan yang menyeluruh.

Kegagalan pegawai penyiasat menyiasat tempat kejadian jenayah dengan baik, mendapatkan bukti atau ekhibit yang relevan dan kukuh dan menjaga serta mengawal rantaian keterangan bukti atau ekhibit boleh menyebabkan seseorang tertuduh dilepaskan dan dibebaskan oleh mahkamah tanpa sebarang sabitan atau seseorang dituduh dan dihukum secara salah.

Dengan kata lain, penyiasatan tempat kejadian dan pengendalian bahan bukti merupakan proses yang paling kritikal dan penting yang tidak boleh dipandang remeh oleh pegawai penyiasat kerana ia menentukan kejayaan dan kegagalan sesuatu kes jenayah yang disiasat tersebut. Sesuatu pendakwaan hanya akan berjaya apabila disokong oleh satu penyiasatan yang baik dan lengkap.



 Artikel

POLEMIK GENDER DYSPHORIA DI MALAYSIA


Oleh Aznika binti Mohd Anas dan Rafiqha Hanim binti Mohd Rosli
Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid

Pengenalan

Gender dysphoria (GD) atau kecelaruan/silang gender (“kecelaruan gender”) sering kali menjadi tajuk pendebatan baik melalui media sosial atau perbualan harian. Pelbagai persoalan berbangkit daripada kecelaruan gender akan dilihat menerusi artikel ini iaitu-



Secara umumnya, pengkategorian kumpulan bagi kecelaruan gender yang dibuat berdasarkan kecenderungan seks seseorang individu masih dilihat sebagai suatu perkara taboo yang tidak boleh diperihalkan serta dibahaskan secara terbuka.¹ Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pemahaman dan kemudahan rujukan berkenaan terma kecelaruan gender ini, adalah lebih wajar takrifan yang diberikan oleh American Psychology Association (APA) dilihat, iaitu² :



Berdasarkan takrifan tersebut, penerimaan berkenaan ketentuan seks, jantina dan seksualiti seseorang itu masih lagi kelihatan samar terutama sekali yang melibatkan transgender yang tidak homogen dan mungkin berubah spektrum jantina, atau secara beransur-ansur beralih daripada suatu kategori ke suatu kategori yang lain.³

-
1. Shah, Shanon (2013), “The Malaysian dilemma: negotiating sexual diversity in a Muslim-majority Commonwealth state in Human Rights, Sexual Orientation and Gender Identity in the Commonwealth: Struggles for Decriminalisation and Change. Institute of Commonwealth Studies, School of Advanced Study, University of London”, di m.s. 267
 2. <https://www.apa.org/pi/lgbt/programs/safe-supportive/lgbt/key-terms.pdf>
 3. Michelle Lee Guy, “Ungendering Gendered Identities? Transgenderism in Malaysia”, Akademika 63 (Julai 2003: 69 – 86), di m.s. 72

Dapatkan ini juga boleh dilihat dalam pencarian teori kajian gender tentang fenomena kecelaruan gender dengan pendebatan berkenaan dengan jantina dan gender sering kali berkisar sekitar isu biologi dan/atau konstruksi identiti secara sosial untuk menerangkan perbezaan antara lelaki dan wanita.⁴

Kecelaruan Gender: Fakta atau Auta?

Kecelaruan gender secara klinikal adalah suatu hasil diagnosis terhadap orang yang mempercayai dia sebenarnya mempunyai jantina yang berlainan daripada jantina kelaminnya. Kecelaruan gender juga berkaitan dengan sifat kelelakian-kewanitaan (*masculinity-feminity*) dan peranan yang telah ditentukan untuk setiap jantina tersebut.⁵

Kajian yang dilakukan oleh APA juga menyatakan bahawa seseorang pesakit yang didiagnosis mempunyai kecelaruan gender haruslah mengalami “*significant distress or impairment*” dan bukan sekadar perasaan ketidakselarasian antara jantina biologi dengan identiti jantinanya.⁶

Namun, apa yang masih menjadi misteri adalah penyebab kepada kecelaruan gender ini dan terdapat beberapa cadangan yang menyatakan bahawa kecelaruan gender berlaku disebabkan oleh beberapa faktor yang berikut—



7

4. Gibson, Britton A et al. “Gender Identity, Healthcare Access, and Risk Reduction among Malaysia’s Mak Nyah Community”, *Global public health* vol. 11, 7–8 (2016)

5. Wong Ee Lynn, “Neither Here Nor There: the Legal Dilemma of the Transsexual Community in Malaysia” http://www.malaysianbar.org.my/gender_issues/neither_here_nor_there_the_le-gal_dilemma_of_the_transsexual_community_in_malaysia.html

6. *Ibid*

7. Goh, Joseph (2020), “Grappling with Gender Dysphoria” – 10.1007/978-981-15-4534-4_4

Kebanyakan kajian menyatakan bahawa kecelaruan gender adalah suatu penyakit yang perlu dirawati kerana ia memberikan impak besar secara psikologi ke atas seseorang yang mengalaminya dan keadaan ini akhirnya akan memberikan kesan negatif kepada kesihatan mental individu tersebut. Dari sudut pengkaji yang mendapati bahawa kecelaruan gender adalah sejenis penyakit, ia diiktiraf secara klinikal dan sama seperti penyakit yang lain, penyakit ini perlu diberikan rawatan yang sewajarnya.⁸

Kecelaruan Gender: Kedudukan Undang-Undang di Malaysia

Perkara 8 (1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti di bawah:

“Kesamarataan

8. (1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

- (2) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini, tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau penjalanan apa-apa perdagangan, perniagaan, profesi, kerjaya atau pekerjaan.”

Menurut peruntukan berkenaan, secara amnya tiada diskriminasi dibenarkan terhadap mana-mana rakyat Malaysia berdasarkan kepada agama, bangsa, asal usul, tempat kelahiran atau gender seseorang itu. Sungguhpun begitu, persoalan yang harus dilihat adalah sama ada kecelaruan gender ini sah di sisi undang-undang Malaysia.⁹

8. Md. Ali bin Sarbini, *Kecelaruan Jantina*. (Paper presented at the Seminar of Transsexuality in Institutions of Tertiary Education (Melaka) – 23-25 July 2002)

9. Sila lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kompilasi Pandangan Hukum, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. 2015 dim.s. 101 – Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 telah membincangkan Pertukaran Jantina Daripada Lelaki Kepada Perempuan. Muzakarah telah memutuskan bahawa: Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak.

Mahkamah Rayuan dalam kes *Kristie Chan v. Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara [2013] 4 CLJ 627* telah menolak permohonan yang dibuat oleh Perayu untuk satu deklarasi bahawa dirinya adalah seorang perempuan dan maklumat dalam kad pengenalan Perayu juga dibuat pindaan berdasarkan kepada deklarasi tersebut. Antara alasan Mahkamah Rayuan menolak permohonan tersebut adalah—

[23] We return to the evidence exhibited in the affidavit affirmed by the appellant in support of the originating summons. We make the following observations. Firstly, although the application is made in Malaysia and included an order for the respondent to change identity card description of the appellant's gender from male to female, exhibits are only documents from Thailand and Hong Kong. There are no affidavits from the makers of those documents. Secondly, that the appellant had difficulty with immigration in Thailand raises the question in our minds whether the sex reassignment surgery was recognised.

[24] These lead us to the observation that there is no evidence, medical and psychiatric, from experts in Malaysia:

- (a) *what is gender;*
- (b) *what makes a person a male or female;*
- (c) *whether sex reassignment surgery changes a person's gender to warrant a change of the gender description in that person's identity card*

*[25] Given the purpose of the system of identity registration, it is clearly intended to be a true and correct description of that person's gender. That intention seem to be defeated if the gender description is readily changed to facilitate obtaining employment, travel, education and other personal issues.”.*¹⁰

10. Sebagai perbandingan dan rujukan lanjut, sila lihat juga kepada kes *Mohammed Juzaili bin Mohd. Khamis & 2 Others v. Kerajaan Negeri Sembilan & 4 Others [2015] MLJ* yang mana telah menimbulkan pelbagai pandangan awam berkenaan dengan semakan kehakiman bagi *Syariah Enactment Negeri Sembilan* yang melarang “cross-dressing”. Sila lihat juga kepada peraturan berkaitan dengan aktiviti seks luar tabii dalam Kanun Keseksaan dan Enakmen Syariah Negeri.

Selanjutnya, keputusan kes Kristie Chan tersebut telah diguna pakai oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Harinee Ramakrishnan v Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Negeri Johor & Ors [2020] 1 LNS 235* yang antara lainnya menyatakan—

“[7] The Court of Appeal in Kristie Chan v. Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara [2013] 4 CLJ 627 had admitted that a declaration that a person is currently of a gender other than that such person was born as, is not a simple issue. After citing with approval the cases of Bellinger v. Bellinger [2003] UKHL 21 and Corbett v. Corbett [1971] P 83, the Court of Appeal concluded that these cases serve to show gender is a multi-faceted question. And not involving the desire of the applicant alone, but involve consideration of chromosomal gonadal, genital and psychological factors.”.

Berdasarkan keputusan kes yang dirujuk di atas, Mahkamah lebih cenderung untuk mengiktiraf pandangan pakar dan setakat ini, masih belum terbukti bahawa jantina/gender seseorang ketika dilahirkan boleh ditukar hanya dengan keinginan diri seseorang atau menerusi pembedahan pertukaran jantina (*sex reassignment surgery*). Pelbagai aspek dan isu perlu dipertimbangkan dan pelbagai sudut perlu dikaji dan ini termasuklah dari segi saintifik, agama, adat dan budaya di Malaysia.

Malahan, perkara ini juga pernah dibahaskan dalam Dewan Rakyat pada 6 Disember 2004¹¹—

“Dato’ Azmi bin Khalid: ... Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertukaran jantina yang berlaku di negara ini sama ada daripada lelaki atau perempuan, ataupun dari perempuan kepada lelaki dilakukan secara bebas. Berdasarkan bilangan orang-orang di Malaysia yang mempunyai dua alat kelamin atau khunsa semasa kelahirannya adalah amat sedikit. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara telah menerima banyak permohonan mengenai meminda maklumat jantina di dalam kad pengenalan.

Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak dapat diputuskan memandangkan jika sekiranya pindaan maklumat ini dilakukan sewenang-wenangnya maka ia akan memberi kesan sosial kepada masyarakat negara ini. Tetapi juga pertukaran maklumat jantina yang datangnya daripada orang-orang yang disahkan khunsa dan permohonannya tersebut diluluskan, sebenarnya ini memerlukan pengesahan dari seseorang doktor. Pertukaran jantina yang seperti ini adalah perlu disahkan oleh pihak doktor sebelum pembedahan pertukaran jantina tersebut dibuat.

11. Penyata Rasmi Parlimen, Parlimen Kesebelas Penggal Pertama Mesyuarat Ketiga, Bil. 63 DR.6.12.2004,dim.s.31,33dan35 –<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-06122004.pdf>.

Tuan Haji Ismail bin Noh: ... Apa yang saya hendak bangkitkan di sini, pertama sekali bilangan yang melakukan pertukaran jantina di negara kita ini, apakah sudah banyak ataupun hanya perkara-perkara nadir ataupun perkara-perkara yang luar biasa.

Kedua, selain daripada pandangan, nasihat doktor kepada penukar jantina ini, apakah di sana pihak kerajaan mengambil kira pandangan syarak, apakah pertukaran ini benar-benar berlaku dari segi syaraknya, selain daripada doktor tadi. Saya setujulah pandangan doktor, selain daripada doktor itu, iaitu pandangan syarak, kerana kita bimbang, takut sekali dia merasakan bahawa beratnya untuk lelaki, dia tukar kepada lelaki, satu ketika nanti, dia berat kepada perempuan, dia akan tukar pula kepada perempuan.

Jadi, kalau ada dua, tiga panduan ataupun kawalan-kawalan ini barangkali dia hanya tukar, sekali tukar kemudian tidak berlaku lagi, nanti kita akan disebut negara yang banyak pertukaran jantina di negara kita ini. Bimbang begitu. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Azmi bin Khalid: ... Di UK pernah berlaku masalah di mana ditimbulkan masalah selepas perkahwinan, sebagaimana pernah berlaku di UK, seorang lelaki telah berkahwin dengan seorang lelaki, yang telah menukar jantina kepada perempuan. Apabila kes itu disebut, dibawa ke mahkamah atas permohonan suaminya, kerana mendapati pindaan maklumat perkahwinan tersebut tidak sah, maka suami mengambil tindakan, kemungkinan dia tertipu semasa dia berkahwin, maka pihak mahkamah telah memberikan keputusan bahawa perkahwinan tersebut tidak sah. Kes ini dikenali sebagai covet vs. covet.

... Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian membenarkan supaya pindaan dilakukan jika berlakunya kesilapan teknikal semasa pendaftaran dan kelahiran tersebut dilakukan.

Berhubung dokumen kad pengenalan yang juga mencatatkan jantina di dalam dokumen tersebut, pindaan maklumat di dalam kad pengenalan adalah diperuntukkan pada peraturan-peraturan pendaftaran negara yang sedia ada.

Kesimpulannya, pertukaran jantina yang dilakukan melalui teknologi perubatan perlulah dikaji dengan teliti kerana ia akan memberi impak yang besar kepada struktur sosio masyarakat negara ini, undang-undang dan hukum agama yang terdapat di negara kita.”

Isu pengiktirafan pertukaran jantina dan transgender ini juga diperjelas sekali lagi dalam Dewan Rakyat pada 19 Jun 2012¹²—

“Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, berkaitan dengan adanya isu-isu di mana lelaki membuat pembedahan dan permohonan mereka untuk mendapatkan pendaftaran ini tidak dibenarkan. Ini adalah kerana merujuk kepada keputusan daripada Muzakarah Fatwa yang mana Muzakarah Fatwa kali yang keempat yang bersidang telah pun membincangkan persoalan pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan dan telah memutuskan bahawa sebarang pertukaran dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak.

Seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun ia berjaya menukar jantinanya melalui pembedahan. Seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun ia berjaya ditukarkan jantinanya melalui pembedahan. Hanya orang yang dilahirkan sebagai ‘khunsa musykil’ iaitu yang dilahirkan dengan mempunyai dua alat kelamin sahaja yang dibenarkan untuk membuat pembedahan bagi mengekalkan salah satu daripada jantina ataupun alat yang benar-benar berfungsi untuk digunakan. Jadi dalam hal ini, pihak pendaftaran terpaksa akur kepada keputusan Majlis Muzakarah Fatwa yang telah pun membuat hukum dalam masalah yang berkaitan.

... kita melihat daripada pengalaman-pengalaman yang dilaksanakan oleh kajian-kajian di luar negara umpamanya daripada National Research and Therapy for Homosexual yang ada di Australia. Mereka ini membuat kajian dan sebenarnya Yang Berhormat, ia bukan dilahirkan begitu tetapi ia lebih kepada kecenderungan mereka untuk menjadi begitu. Jadi kecualilah apa yang saya sebut tadi Yang Berhormat, mereka yang memang dilahirkan dengan dua alat. Jadi apa yang berlaku di sini ialah kecenderungan di mana terperangkapnya seorang lelaki untuk minat kepada kaum sejenis ataupun sebaliknya dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan LGBT itu sendiri.

12. Penyata Rasmi Parlimen, Parlimen Kedua Belas Penggal Kelima Mesyuarat Kedua, Bil. 28 DR.19.06.2012, di m.s. 8 dan 9 – <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-06122004.pdf>.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat di mana kita tidak boleh menggunakan satu standard agama. Yang Berhormat boleh merujuk kepada Perlembagaan. Di dalam Perlembagaan, sama ada fasal 1 ataupun fasal 2, di mana fasal 2 ada menyebut Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata antara lain atas alasan agama atau jantina dalam mana-mana undang-undang. Perkataan jantina ini tidak pernah ditafsirkan kepada kecenderungan seks seseorang seperti lesbian, gay dan juga dwiseksual tetapi ia lebih ditafsirkan sama ada seseorang itu lelaki ataupun perempuan sahaja untuk dilindungi oleh Perlembagaan kita, terima kasih.”

Kecelaruan Gender: Ke Manakah Kita?

Jika dilihat kepada semua fakta dan kedudukan undang-undang sedia ada di Malaysia, kecelaruan gender bukanlah suatu identifikasi yang mutlak pada pandangan masyarakat mahupun undang-undang di negara kita kerana identifikasi ini tidak wujud dalam sistem binari jantina dan anatomi biologi yang membuktikan hanya terdapat jenis jantina lelaki dan perempuan (atau khunsa, iaitu orang yang mempunyai alat kelamin lelaki dan perempuan¹³⁾ dan tiada yang selainnya. Selagi mana tiada pindaan perundangan, keputusan mahkamah atau dapatan pakar yang membuktikan sebaliknya maka jantina seseorang yang menghidap kecelaruan gender masih lagi mengikut jantina asal ketika dilahirkan.

Sebagai titik permulaan, kajian terhadap amalan terbaik (*best practices*) di negara lain boleh dilakukan untuk melihat kesesuaian dan keserasian amalan yang boleh diperaktikkan di Malaysia dalam menangani polemik kecelaruan gender ini supaya peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, kajian saintifik, adat, sosiobudaya dan agama dipertimbangkan dengan sebaiknya dalam kajian yang dijalankan bagi memastikan kemaslahatan rakyat Malaysia terpelihara, selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

13. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=khunsa>

Aktiviti ILKAP

Okttober - November

Pertandingan Inovasi Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) 2021 pada 1 Oktober 2021



Aktiviti ILKAP

Okttober - November



Ceramah Kesihatan Mental Dan Pengurusan Stress Warga ILKAP pada 8 Oktober 2021



Aktiviti ILKAP

Okttober - November

Kursus Imparting The X-Factor In Team Communication (Kursus ILA 3)
pada 22 Oktober 2021



Aktiviti ILKAP

Okttober - November

Seminar Keterampilan Profesional, Protokol dan Etiket Sosial, Tertib Makan di Majlis Rasmi (KursusILA 4) pada 28 Oktober 2021



Aktiviti ILKAP

Okttober - November

**Perhimpunan Bulanan ILKAP Bil. 4 Tahun 2021
pada 1 November 2021**





Artikel

PROGRAM ILMU BAHAGIAN MAKLUMAT ILKAP BAGI TAHUN 2021


Oleh Kasmilah binti Jahaba

Pengenalan

Ilmu merupakan perkara yang penting dalam pembangunan modal insan dalam kalangan masyarakat. Ini disebut dalam sebuah hadis yang bermaksud—

“Barang siapa yang menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah SWT permudahkan baginya jalan ke syurga”.

Hadis ini dengan jelas menunjukkan betapa pentingnya peranan ilmu dalam kehidupan seseorang untuk mencapai keredhaan Allah SWT. Dengan arus modenisasi pembangunan masa kini, pengajian ilmu bukan sahaja boleh didapati melalui ceramah atau kuliah agama, bahkan boleh didapati melalui karya penulisan ilmuwan semasa yang boleh didapati dalam pelbagai format termasuklah penerbitan dalam talian.



Namun begitu, realitinya tidak ramai yang membeli bahan bacaan berunsur ilmiah

atau yang berbentuk perundangan apatah lagi membacanya. Dalam rekod yang dicatatkan pada tahun 2012, rakyat Malaysia membaca secara purata dua buah naskhah buku setahun. Ini adalah suatu rekod yang amat rendah dan menyedihkan selain menunjukkan tahap kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia tentang kepentingan membaca dan menambah ilmu pengetahuan amatlah rendah.

Antara faktor kurangnya minat dalam membaca buku adalah kerana harga buku lazimnya lebih mahal berbanding bahan bacaan ringan seperti majalah dan komik. Hal ini dapat dikekang dengan menggunakan perkhidmatan perpustakaan yang berhampiran dengan kediaman ataupun tempat kerja. Setiap lapisan masyarakat boleh menikmati kemudahan yang sedia ada dan dalam tempoh yang sama dapat juga menambah ilmu pengetahuan.

Oleh itu, bagi menggalakkan dan melahirkan pegawai dan kakitangan ILKAP yang berilmu, Bahagian Maklumat, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah mengadakan beberapa aktiviti Galakan Membaca sepanjang bulan Januari hingga Jun 2021 seperti yang berikut:

Program Pembaca Aktif

Program Pembaca Aktif di bawah kendalian Bahagian Maklumat ILKAP dilaksanakan menerusi dua peringkat iaitu penilaian bagi bulan Oktober hingga Disember 2020 dan bulan Januari hingga Mac 2021. Antara pemenang mengikut peringkat adalah seperti yang berikut:

Pembaca aktif bagi bulan
Oktober hingga Disember 2020

1. Puan Rosmawati binti Ramly
2. Puan Siti Nurul Aishah binti Zakariah

Pembaca aktif bagi bulan
Januari hingga Mac 2021

Puan Nor Nazirawati @ Nur Izzati binti Anang

Hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Ketua Pengarah ILKAP, YBhg. Datin Rozita binti Ramli pada 5 Mei 2021 bertempat di Auditorium ILKAP dalam satu Sesi Penyampaian Hadiah sebelum berlangsungnya Majlis Khatam Al-Quran bersempena bulan Ramadan Al-Mubarak 1442H peringkat PUSPANITA Cawangan Kecil ILKAP.



Jom Membaca Bersama 10 Minit

Program Jom Membaca Bersama 10 Minit (JMB10M) merupakan sebahagian daripada Galakan Membaca yang dijalankan setiap tahun sebagai usaha berterusan dalam membentuk masyarakat yang membudayakan tabiat membaca. Pada setiap tahun, kesemua perpustakaan di seluruh Malaysia melaksanakan Program JMB10M ini secara serentak pada hari, tarikh dan masa yang sama, iaitu pada 22 April pada jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi. Konsep Program JMB10M diilhamkan daripada sambutan *Earth Hour* yang melibatkan peserta tanpa mengira apa jua aktiviti yang sedang dilakukan untuk bersama-sama berhenti sebentar dan membaca selama 10 minit secara serentak. Tempoh 10 minit berkenaan merupakan tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan seharian.



Sehubungan dengan itu, Bahagian Maklumat ILKAP pun tidak ketinggalan dalam menyahut saranan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan turut menganjurkan Program JMB10M di ILKAP. Sesi membaca warga ILKAP telah dimulakan pada jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi pada 22 April 2021 (Khamis) di tempat kerja masing-masing dengan penglibatan semua pegawai dan kakitangan ILKAP. Dengan bertemakan “Baca Itu Terapi”, Program JMB10M di ILKAP berjaya diadakan dan usaha diteruskan untuk menggalakkan seluruh warga ILKAP supaya membudayakan amalan membaca ke arah Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) di samping dapat menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan pegawai dan kakitangan.



Pameran Sempena Bulan Ramadan

Pameran bertema ini dijalankan sempena menyambut kedatangan bulan mulia iaitu bulan Ramadan. Justeru, pameran “Ihya Ramadhan” telah dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan 1442H di Pusat Sumber, Bahagian Maklumat ILKAP. Salah satu sudut di Pusat Sumber ILKAP telah dijadikan tempat untuk meletakkan info pameran. Pelbagai info mengenai bulan Ramadan seperti keistimewaan beribadat di bulan Ramadan, kaifiat solat tarawih mengikut hari, malam lailatulqadar dan sebagainya telah dipaparkan untuk tatapan pengunjung.



Penutup

Kesimpulannya, usaha mengembangkan ilmu telah bermula sejak dahulu lagi. Proses mengembangkan ilmu yang bermula daripada perpustakaan seharusnya dititikberatkan kerana ia adalah salah satu langkah dalam melahirkan masyarakat yang berilmu. Peranan yang dimainkan oleh Pusat Sumber ILKAP sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan seluruh usaha yang diberikan kepadanya tidak harus dipandang ringan. Usaha untuk membangunkan ILKAP sebagai sebuah pusat ilmu adalah usaha bersama daripada seluruh pihak termasuk pegawai dan kakitangan sendiri. Oleh itu, usaha setiap pihak dalam memastikan kelangsungan sumber rujukan dan juga aktiviti yang berkaitan dengan pengembangan ilmu pengetahuan haruslah utuh diteruskan.





Sidang Redaksi

NAMA	UNIT/SEKSYEN PROGRAM/BAHAGIAN	TANGGUNGJAWAB
Ida Adiba binti Md Razali	Ketua Unit Unit Penyelidikan dan Inovasi	Ketua Projek Editor/Penyunting
Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Pemantauan Keseluruhan Projek Pemilihan Gambar Penyediaan Infografik Editor/Penyunting Akhir
Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Sesi Temu bual
Noor Azlina binti Hashim	Pengarah Program Penasihat	Penulis Artikel Program Penasihat
Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Penulis Artikel Unit Penyelidikan dan Inovasi
Dayang Faizah binti Awang Maliki	Timbalan Pendaftar (KPP)	Penulis Artikel Bahagian Pengurusan
Suzana binti Abdul Latiff	Ketua Penolong Pengarah Program Kehakiman	Penulis Artikel Program Kehakiman
Fairuz Syuhada binti Amran	Ketua Penolong Pengarah Program Perundangan	Penulis Artikel Program Perundangan
Azniqa binti Mohd Anas & Rafiqha Hanim binti Mohd Rosli Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid	Ketua Penolong Pengarah Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran (PKP) Pengarah Program PKP Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Penulis Artikel Program PKP
Kasmilah binti Jahaba	Penolong Pustakawan Bahagian Maklumat	Penulis Artikel Bahagian Maklumat
Shahrul Firdaus bin Mohd Shahiri	Pereka Grafik Unit Koleksi Bercetak Bahagian Maklumat	Urusan Rekaan Grafik Keseluruhan

“Disclaimer: Pictures taken and portrayed in this publication are staged and taken for the purpose of reporting only. Related Standard Operating Procedures have been adhered by members of ILKAP during the reported activities.”